

BERITA HARIAN

5 JUN 2013

Pelajar UPNM seronok jadi anak angkat

» Program tiga hari dua malam dedah budaya setempat, sukan tradisional dan keenakan nasi berlauk

Oleh Nor Amalina Alias
bhkb@mediaprima.com.my

Bachok

Keseronokan bermain sukaneka ala kampung dan keenakan nasi berlauk antara kenangan manis sukar dilupakan bagi 36 pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ketika mengikuti program anak angkat di Kampung Keting, dekat sini.

Aktiviti sempena Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cheras dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kampung itu diadakan selama tiga hari dua malam, bermula 31 Mei lalu hingga kelmarin.

Pengerusi KRT kampung berkenaan, Zulkifli Mohd Zin, berkata sukaneka itu menggunakan peralatan daripada bahan semula jadi antaranya permainan tarik upih kelapa, berlari dengan tempurung kelapa dan sukan air di sungai.

"Program begini secara tidak langsung memberi peluang kepada penduduk mengeratkan silaturahmi sesama mereka ke arah mengukuhkan perpaduan," katanya sambil menyambut baik program seumpama itu.

Mengenal budaya masyarakat Kelantan

Pelajar semester enam Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan UPNM, Muhammad Asyraf Abdul Majid, 23, berkata dia amat gembira dapat menyertai program itu yang

disifatkan sebagai peluang untuk mengenali budaya masyarakat Kelantan.

Selain keunikan loghat negeri, katanya, dia kagum dengan semangat kejiranan dan sikap ramah mesra yang diamalkan penduduk kampung, terutama dalam bertegur sapa.

"Masyarakat Kelantan nampak lebih mesra berbanding kawasan tempat tinggal saya, sehinggakan mereka saling bertegur sapa walaupun ketika bertemu di jalanan, seperti mereka mengenali hampir semua penduduk di sini," katanya yang berasal dari Sungai Petani, Kedah.

Siti Farhana Mustafa, 23, pula berpendapat, program itu sangat menarik kerana dia melalui banyak pengalaman dan belajar perkara baru.

"Antaranya, buat pertama kali, saya bersarapan dengan nasi berlauk hasil tangan ibu angkat dan saya anggap ia agak menarik kerana selalunya kami bersarapan hanya dengan kuih-muih," katanya.

Penduduk, Mek Ahmad, 67, berkata dia gembira menjadi ibu angkat kepada dua pelajar dalam program itu sekali gus menghilangkan kesunyiannya yang bergelar ibu tunggal.

Katanya, dengan kehadiran pelajar berkenaan, hidupnya sedikit ceria kerana dia juga hanya tinggal berdua bersama cucu saudara kerana tidak mempunyai cahaya mata.

"Bila dapat anak angkat, rasa gembira sebab ada teman untuk berbual walaupun hanya dua tiga hari," katanya.

Penduduk, Che Mohd Zain Mohammad, 47, pula berkata dengan adanya program sebegini, penduduk berpeluang berkongsi pengalaman mengenai cara hidup dan budaya masyarakat kampung.

Sementara itu, pelajar turut mengadakan persembahan kebudayaan untuk dipersembahkan kepada penduduk manakala mereka pula disajikan persembahan dikir barat oleh penduduk kampung berkenaan.



Sebahagian pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia teruja apabila mencuba permainan sukaneka menggunakan tempurung kelapa sempena program anak angkat pada Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT di Kampung Keting, Bachok.

[FOTO NOR AMALINA ALIAS / BH]